

Pelajar tahun akhir Sains Sukan UMS anjur *Warrior Cup*

VB 3.3.2019 A20

KOTA KINABALU: Pelajar tahun akhir (tahun ketiga) Sains Universiti Malaysia Sabah (UMS) tahun ini melaksanakan tugas akhir mereka dengan menganjurkan kejohanan 'Warrior Cup'.

Kejohanan yang diadakan di Arena Sukan UMS 27-28 April lalu itu melibatkan sukan bola tampar dan futsal.

Pengarah yang mengetuai pengurusan kejohanan itu ialah Paul Kenneth Tay dan dibantu 52 ahli jawatankuasa.

Penganjuran itu adalah bagi memenuhi syarat menjadi graduan pada penghujung tahun ini dalam subjek semester akhir iaitu Pengurusan Acara Sukan di bawah penyeliaan Dr. Hasnol Noordin.

Pada masa yang sama, penganjuran kejohanan itu menjadi medan bagi mereka menimba pengalaman bagaimana merancang dan melaksanakan kejohanan sukan.

Kejohanan itu disertai enam pasukan lelaki dan lapan wanita dalam sukan bola tampar manakala 18 pasukan lelaki dalam sukan futsal. Oleh **VITALIS G. BINGKASAN**



(Gambar atas)
JAWATANKUASA

penganjur Warrior Cup yang terdiri daripada pelajar tahun akhir Sains Sukan UMS.

(gambar kiri dan kanan)
ANTARA aksi perlawanan futsal dan bola tampar Warrior Cup.

